

5 NOV 1970

Nov. — Bekas ahli Parlimen Kota Setar Selatan, Dr. Mahathir bin Mohd. Iskandar, menafikan bahawa beliau akan menubuhkan sebuah parti politik baru atau menyertai parti lain.

Kata-nya sudah cukuplah perpechahan di kalangan orang2 Melayu sekarang ini dengan ujud-nya Parti UMNO dan PAS.

Dr. Mahathir, 45 tahun, juga menafikan bahawa beliau akan bersara terus dari lapangan politik, walau pun setelah undang2 sekatan berpolitik di-tarek batak serta Parlimen di-pulehkan.

Dalam pertemuan dengan Utusan Malaysia, di-sini, hari ini, beliau berkata: "Bagaimana saya dapat berpisah dengan UMNO sedangkan UMNO sudah menjadi darah saya.

Kesan2

"Saya akan melakukan satu pengkhianatan kepada dasar2 perjuangan asal menubuhkan UMNO dahulu jika saya berbuat demikian.

Beliau menerangkan bahawa buat masa ini beliau lebih suka berjuang di-luar parti kerana walau pun terdapat beberapa perubahan pada dasar2 pemerentahan dan parti tetapi belum tentu memberi kesan2 baik memandangkan masih banyak ranjau2-nya.

Sambil menafikan yang beliau akan bersara terus dari politik, Dr. Mahathir berkata: "Satakak ini saya belum lagi berniat untok betul2 bergerak chergas dalam politik."

Beliau yakin dasar2 baru kerajaan di-bawah pimpinan Tun Abdul Razak dan tokoh2 lain seperti Tun Dr. Ismail akan membawa kebaik-an kepada rakyat dan negara.